

BAHAGIAN C

30 markah

- 14 Ibu Lina mempunyai sebuah gerai minuman. Selepas tamat waktu persekolahan, Lina membantu ibunya menyediakan pelbagai jenis minuman di gerai tersebut. Lina menyediakan air gula dengan mencampurkan gula dalam air yang banyak. Air gula ini dicampurkan bagi menyediakan minuman.

- (a) Berikan pelarut yang digunakan untuk menyediakan air gula tersebut.

.....
.....

[1 markah]

- (b) Namakan larutan yang terhasil apabila gula dicampurkan dengan air.

.....

[1 markah]

- (c) Nyatakan dua faktor yang mempengaruhi kadar keterlarutan suatu bahan.

- (i)
(ii)

[2markah]

- (d) Cadangkan dua cara yang boleh dilakukan oleh Lina untuk menyediakan air gula dengan lebih cepat.

- (i)
(ii)

[2markah]

- (e) Lina telah memasukkan gula dalam kuantiti yang sangat banyak ke dalam air sehingga menyebabkan mendakan terhasil. Gula yang berlebihan di dalam air tidak dapat dilarutkan walaupun telah dikacau berulang kali.

(i) Apakah jenis larutan yang terhasil?

.....

[1 markah]

(ii) Terangkan bagaimana Lina boleh melarutkan gula dalam larutan tersebut tanpa mengubah isipadu larutan.

.....

[1 markah]


- f Air dikenali sebagai pelarut semesta kerana keupayaannya untuk melarutkan hampir semua bahan samaada pepejal, cecair atau gas. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa zat terlarut yang tidak boleh dilarutkan di dalam air. Berikan dua contoh pelarut bukan air yang boleh digunakan untuk melarutkan bahan yang tidak larut di dalam air.

(i)

(ii)

[2 markah]

- 15 Rajah menunjukkan dua ekor cheetah yang sedang memburu kijang.




- (a) Berdasarkan pemerhatian anda, berikan dua interaksi haiwan yang berlaku dalam rajah tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

Rajah di bawah menunjukkan suatu kaedah yang digunakan di kawasan ladang kelapa sawit bagi tujuan mengawal populasi tikus.



(b) Berdasarkan rajah

(i) Nyatakan nama kaedah tersebut

.....

[1 markah]

(ii) Terangkan bagaimana kaedah di b (i) dapat digunakan untuk mengawal populasi tikus.

.....

.....

[2 markah]

(c) Berikan justifikasi bagi penggunaan kaedah yang dinyatakan di b (i) dalam pengawalan populasi tikus di kawasan ladang sawit

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(d) Cadangkan satu haiwan lain yang boleh digunakan untuk menggantikan burung hantu.

.....

[1 markah]

16 Rajah di bawah menunjukkan keperluan kalori dua individu.

	
Nama: Farid bin Roslan Umur: 35 tahun Keperluan kalori: 2600 Kcal Pekerjaan: kerani	Nama: Hamid bin Rahman Umur: 35 tahun Keperluan kalori: 3000 Kcal Pekerjaan: buruh

(a) Apakah maksud gizi seimbang?

.....

[1 markah]

(b) Terangkan keperluan kalori Encik Hamid dan Encik Farid

.....
.....

[2 markah]

(c) Jadual di bawah merujuk kepada senarai kalori makanan

Makanan	kuantiti	Nilai kalori (Kcal)
Roti Canai	1 keping	300
Teh tarik	1 cawan	229

Encik Hamid telah memakan 2 keping roti canai dan satu cawan teh tarik. Hitung nilai kalori yang telah diperolehi Encik Hamid.

[3 markah]

Rajah di bawah menunjukkan makanan dan minuman yang selalu dimakan oeh Encik Farid.



- (d) Berikan justifikasi anda mengenai kesan pengambilan makanan dan minuman tersebut kepada encik Farid.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT